

PEMULIHAN

INJIL YESUS KRISTUS





TUHAN ADALAH BAPA SYURGAWIMU YANG PENYAYANG

Tuhan adalah Bapa anda di syurga. Dia mengenali anda secara peribadi dan menyayangi anda lebih daripada yang dapat anda fahami. Dia mahu anda gembira di dalam hidup ini dan di dalam keabadian.

Untuk menyempurnakan tujuan ini, Bapa Syurgawi telah menyediakan sebuah rancangan yang dinamakan **injil*** Yesus Kristus.

Yesus Kristus ialah Putera Tuhan; kehidupan dan ajaranNya adalah panduan untuk kedamaian dalam hidup ini dan kebahagiaan dalam kehidupan abadi.

Bapa Syurgawi kita telah membawa—balik—kebenaran Tuhan yang dipulihkan yang dapat anda belajar dan hidupi. Kebenaran ini diwahyukan kepada para nabi dari permulaan.

INJIL MEMBERKATI KELUARGA DAN INDIVIDU

Injil Yesus Kristus memberkati sesiapa sahaja yang menerima dan mengikutinya. Salah satu tempat terbaik untuk mengajar dan melaksanakan prinsip-prinsip injil adalah di dalam keluarga. Tuhan telah menubuhkan keluarga untuk membawa kebahagiaan kepada anak-anakNya, untuk membolehkan kita mempelajari prinsip-prinsip yang betul di dalam suasana yang penuh kasih sayang, dan menyediakan kita untuk kembali kepadaNya selepas kita mati. Walaupun ada masanya hubungan kekeluargaan kita boleh menjadi cabaran, Bapa Syurgawi memberkati kitasewaktu kita berusaha untuk mengikuti ajaran-ajaran Yesus Kristus. Ajaran-ajaran ini membantu kita menguatkan keluarga-keluarga kita.

BAPA SYURGAWI MEWAHYUKAN INJILNYA

Sebagai sebahagian daripada rancanganNya, Tuhan memilih para nabi, seperti Adam, Nuh, Abraham, dan Musa. Para nabi:

*Perkataan-perkataan yang berwarna merah didefinisikan pada muka surat 18 dan 19.

- Mengajar tentang Tuhan dan merupakan saksi-saksi istimewa untuk PuteraNya, Yesus Kristus.
- Menerima **wahyu**, atau arahan daripada Tuhan.
- Mengajarkan injil kepada dunia dan menterjemahkan firman-firman Tuhan.

Para nabi menerima **imamat**, atau hak untuk bercakap dan bertindak dalam nama Tuhan untuk memimpin anak-anakNya.

Kebenaran-kebenaran yang telah diwahyukan menjadi hilang apabila manusia menolak para nabi.

Orang yang mengikuti para nabi akan menerima berkat-berkat yang Tuhan telah janjikan. Mereka yang menolak injil dan para nabi Tuhan akan kehilangan berkat-berkat tersebut dan menjauhkan diri mereka daripada Tuhan. Mereka yang menolak para nabi

dan tidak lagi memegang kepada janji mereka untuk mengikuti Tuhan adalah di dalam keadaan yang disebut **kemurtadan**.

Walaupun ramai anak-anakNya berulang kali menolak Dia dan para nabiNya, Bapa Syurgawi kita terus menyayangi anak-anakNya. Dia mahu memberikan segala yang kita perlukan untuk menjadi bahagia sekarang dan untuk kembali kepadaNya selepas kita mati. Tulisan-tulisan suci menunjukkan satu pola di mana Tuhan berulang kali menghulurkan tanganNya kepada anak-anakNya, walaupun kita tidak selalunya mendengar:

- Tuhan memilih seorang nabi.
- Nabi mengajarkan injil dan memimpin manusia.
- Tuhan memberkati manusia.
- Manusia dengan beransur-ansurnya mengabaikan atau melanggar ajaran-ajaran nabi. Mereka akhirnya menolak nabi dan ajarannya dan jatuh ke dalam kemurtadan.
- Kerana kemurtadan, manusia kehilangan pengetahuan injil. Kuasa imamat diambil dari mereka.

*Perkataan-perkataan yang berwarna merah didefinisikan pada muka surat 18 dan 19.

Para nabi Perjanjian Lama telah mencatatkan firman-firman Tuhan.





- Apabila masanya sesuai dan manusia bersedia untuk mengikutNya lagi, Tuhan memilih seorang nabi lagi, memulihkan imamat dan Gereja, dan mengarahkan nabi untuk mengajarkan injil.

YESUS KRISTUS TELAH MENUBUHKAN GEREJANYA

Sejak dari waktu Penciptaan, anak-anak Tuhan menantikan kedatangan Juruselamat Yesus Kristus. Seperti yang Dia janjikan, Bapa Syurgawi menghantarkan PuteraNya, Yesus Kristus, ke bumi 2,000 tahun lalu.

Yesus Kristus menjalani kehidupan yang sempurna, tanpa dosa. Dia telah menubuhkan GerejaNya, mengajarkan injilNya, dan melakukan banyak mukjizat. Dia memilih dua belas orang lelaki untuk menjadi **RasulNya**, termasuk Petrus, Yakobus, dan Yohanes. Dia telah mengajar mereka dan memberi mereka kuasa imamat untuk mengajar dalam namaNya dan untuk melaksanakan **tatacara suci**, seperti **pembaptisan**.

Sewaktu Yesus menubuh GerejaNya, Dia telah menerima arahan dari Bapa Syurgawi. Dia kemudiannya mengarahkan para pengikutNya. Yesus telah mengajar para pengikutNya bahawa wahyu daripada Tuhan merupakan batu di mana Dia akan membina GerejaNya.

Pada penghujung hidupNya, Yesus Kristus menderita dan mati bagi dosa-dosa setiap orang yang telah hidup atau yang akan hidup di atas bumi. Pengorbanan ini dipanggil **Korban Tebusan**.

Yesus Kristus

Mengaturkan GerejaNya:

- *Dia telah memanggil dan mentahbiskan para Rasul.*
- *Dia memberi mereka kuasaNya untuk mengajar dan membaptis. Kuasa ini dipanggil imamat.*
- *Selepas kematian dan KebangkitanNya, Dia terus memimpin para Rasul melalui wahyu.*

*Perkataan-perkataan yang berwarna merah didefinisikan pada muka surat 18 dan 19.

Melalui penderitaan, kematian, dan **KebangkitanNya**, Juruselamat telah membolehkan kita untuk menerima keampunan. Mereka yang beriman kepadaNya, bertaubat, dan mematuhi perintah-perintahNya akan menerima pengampunan dosa-dosa dan dipenuhi kedamaian dan kebahagiaan.

Kerana kematian para Rasul Yesus Kristus, kebenaran hilang sekali lagi.

Selepas kebangkitanNya, Yesus Kristus membimbing para RasulNya melalui wahyu. Alkitab telah mencatatkan banyak cara

Dia terus membimbing GerejaNya (lihat Kisah Rasul-rasul 10; Wahyu 1:1). Oleh itu, Gereja Yesus Kristus dipimpin oleh Tuhan dan bukannya oleh manusia.

KEMURTADAN BESAR

Berikutan kematian Yesus Kristus, orang jahat menganiaya dan membunuh ramai ahli Gereja. Ahli-ahli gereja yang lain pula menyimpang dari asas-asas injil yang telah diajarkan oleh Yesus Kristus dan para RasulNya. Para Rasul dibunuh, dan kuasa imamat—termasuk kunci-kunci untuk memimpin dan menerima wahyu untuk Gereja—pun diambil dari muka bumi. Kerana Gereja tidak lagi dipimpin oleh kuasa imamat, kesalahan mula menyusup masuk ke dalam ajaran-ajaran Gereja. Orang baik dan banyak kebenaran masih tetap ada, tetapi injil seperti yang ditubuhkan oleh Yesus Kristus telah hilang. Tempoh waktu ini dipanggil Kemurtadan Besar.

Kemurtadan ini mengakibatkan pembentukan banyak gereja dengan ajaran-ajaran yang berlawanan. Pada masa ini, ramai lelaki dan perempuan mencari kebenaran, tetapi mereka tidak dapat menjumpainya. Ramai orang baik mempercayai Tuhan dan Yesus Kristus dan cuba untuk memahami dan mengajar kebenaran, tetapi mereka tidak memiliki injil yang lengkap atau kuasa imamat. Akibatnya, setiap generasi mewarisi keadaan kemurtadan apabila mereka dipengaruhi oleh apa yang diturunkan oleh generasi sebelumnya, termasuklah perubahan kepada injil Kristus.

*Perkataan-perkataan yang berwarna merah didefinisikan pada muka surat 18 dan 19.

Tuhan telah tahu bahwa akan adanya suatu kemurtadan. Melalui seorang nabi dari Perjanjian Lama, Dia berfirman:

“Masanya akan tiba . . . apabila aku mendatangkan kebuluran di negeri ini. Orang akan lapar, tetapi tidak lapar akan makanan. Orang akan dahaga, tetapi tidak dahaga akan air. Mereka lapar dan dahaga akan perkhabaran daripada Tuhan:

Orang akan mengembara dari laut ke laut, dan selanjutnya dari utara ke timur.

Di merata-rata tempat mereka akan mencari perkhabaran daripada Tuhan, tetapi mereka tidak akan mendapatnya.”

Amos 8:11-12



Beberapa orang yang diilhamkan, seperti Martin Luther dan John Calvin, sedar bahawa amalan-amalan dan ajaran-ajaran telah diubah atau hilang. Mereka berusaha untuk membentuk semula gereja-gereja di mana mereka adalah anggotanya.

Tetapi, tanpa kuasa imamat, injil Kristus tidak dapat dikembalikan kepada bentuk asalnya. Suatu **pemulihan** diperlukan.

PEMULIHAN INJIL

Pada tahun 1820, seperti yang Dia telah lakukan sepanjang sejarah dunia, Bapa Syurgawi sekali lagi memilih seorang nabi untuk memulihkan injil dan imamat ke atas bumi ini. Nabi itu bernama Joseph Smith. Semasa seorang remaja, Joseph dikelirukan oleh perbezaan di kalangan banyak gereja di dalam kawasannya dan dia ingin mengetahui gereja manakah yang benar. Menyedari bahawa dia kurang kebijaksanaan, dia mengikut nasihat yang ditemui dalam Alkitab, “Jika ada sesiapa antara kamu kurang bijaksana, hendaklah dia berdoa kepada Tuhan supaya Tuhan memberikan kebijaksanaan kepadanya; kerana Tuhan memberikan dengan murah hati dan dengan sukacita kepada setiap orang” (Yakobus 1:5).

Joseph Smith memutuskan untuk bertaunya kepada Tuhan apa yang harus dia lakukan. Apabila Joseph berdoa untuk mengetahui kebenaran, Bapa Syurgawi dan Yesus Kristus muncul kepadanya. Yesus menyuruh Joseph agar jangan menyertai mana-mana gereja pun,

Joseph Smith nampak Bapa Syurgawi dan Yesus Kristus. Katanya tentang pengalaman ini:

“Aku melihat tepat di atas kepalaku, suatu tiang cahaya yang lebih terang daripada sinar matahari, yang perlahan-lahan turun sampai mengenai diriku. . . .

*“Ketika cahaya itu berhenti di atas diriku, aku melihat dua Orang yang terang dan kemuliaannya tidak dapat dilukiskan, yang berdiri di atas diriku di udara. Salah seorang dari Mereka berkata kepadaku, dengan memanggil namaku dan mengatakan sambil menunjuk kepada yang lain—
Inilah PuteraKu yang Kukasihi.
Dengarkanlah Dia!”*

Sejarah—Joseph Smith 1:16–14.

kerana “kesemua itu salah” dan “mereka menghampiri Aku dengan bibir mereka, namun hati mereka jauh daipadaKu, mereka mengajarkan untuk ajaran agama peraturan manusia, yang berselubung ketuhanan; namun mereka menyangkal kuasa Tuhan itu” (Sejarah—Joseph Smith 1:19).

Seperti yang Tuhan telah lakukan dengan Adam, Nuh, Abraham, Musa dan para nabi yang lain, Dia telah memanggil Joseph Smith untuk menjadi nabi di mana melaluinya injil yang lengkap telah dipulihkan.

*Yesus Kristus
menghantarkan Yohanes
Pembaptis dan tiga
orang RasulNya untuk
menganugerahkan
kuasa imamat kepada
Joseph Smith.*

Pemulihan Imamat

Pada tahun 1829, Joseph Smith menerima kuasa imamat yang sama seperti yang Yesus Kristus berikan kepada para RasulNya. Yohanes Pembaptis, yang membaptis Yesus, muncul kepada Joseph Smith dan menganugerahkan ke atasnya **Imamat Harun**, atau imamat yang lebih rendah. Petrus, Yakobus, dan Yohanes (tiga orang daripada para Rasul asal Yesus Kristus) kemudiannya

muncul kepada Joseph Smith dan menganugerahkan kepadanya **Imamat Melkisedek**, atau imamat yang lebih tinggi.

Selepas dia menerima kuasa imamat, Joseph Smith diarahkan untuk mengorganisasikan Gereja Yesus Kristus sekali lagi di atas muka bumi. Melaluinya, Yesus Kristus memanggil Dua Belas Rasul sekali lagi.

Seperti mana Yesus Kristus memimpin para RasulNya melalui wahyu selepas kebangkitanNya, Dia terus memimpin Gereja pada hari ini melalui para nabi dan rasul yang hidup. Presiden Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir ialah nabi yang telah dipilih oleh Tuhan pada hari ini. Dia, dan para penasihatnya, dan Dua Belas Rasul memegang kuasa imamat yang telah dipegang oleh semua nabi dan rasul pada zaman-zaman dahulu. Semua lelaki ini ialah nabi, pelihat, dan pewahyu.

*Perkataan-perkataan yang berwarna merah didefinisikan pada muka surat 18 dan 19.

Petrus, Yakobus, dan Yohanes—para Rasul Yesus Kristus—menganugerahkan imamat Melkisedek kepada Joseph Smith.





KITAB MORMON

Sebagai sebahagian daripada Pemulihan Injil, Tuhan telah mengemukakan Kitab Mormon: Satu kesaksian Lagi Tentang Yesus Kristus. Dengan kuasa Tuhan, Joseph Smith telah menterjemahkan buku ini dari sebuah catatan purba yang ditulis di atas kepingan-kepingan emas. Kitab Mormon adalah “sebuah catatan tentang hubungan Tuhan dengan para penduduk purba di Amerika dan mengandungi injil yang penuh dan kekal” (pendahuluan kepada Kitab Mormon).

Kitab Mormon adalah satu kesaksian yang kuat tentang Yesus Kristus. Ia membantu kita memahami ajaranNya, termasuklah ajaran-ajaran di dalam Alkitab.

Kitab Mormon adalah satu bukti yang meyakinkan tentang Pemulihan injil melalui Joseph Smith. Anda boleh mengetahui dengan diri sendiri bahawa Kitab Mormon adalah benar. Untuk memperolehi pengetahuan ini, anda mesti membacanya, merenungkan pesanannya, dan berkeinginan untuk mengetahui jika ia adalah benar. Anda mesti bertanya kepada Bapa Syurgawi untuk memastikan bahawa ia adalah firmanNya. Apabila anda melakukan demikian, Dia akan menyatakan kepada anda melalui **Roh Kudus** bahawa ianya adalah benar.

Anda boleh mengetahui bahawa perihal-perihal yang telah diajar oleh mubaligh adalah benar jika anda membaca dan berdoa tentang Kitab Mormon:

“Dan jika kamu mahu bertanya dengan hati yang tulus, dengan maksud yang sungguh-sungguh, beriman dalam Kristus, Dia akan menyatakan kebenaranNya kepadamu, melalui kuasa Roh Kudus.

“Dan oleh kuasa Roh Kudus kamu dapat mengetahui kebenaran akan segala hal.”

Moroni 10:4–5

*Perkataan-perkataan yang berwarna merah didefinisikan pada muka surat 18 dan 19.

Apabila anda mengetahui bahawa Kitab Mormon adalah benar, anda juga akan mengetahui melalui Roh Kudus bahawa Joseph Smith adalah seorang nabi Tuhan, bahawa Injil Yesus Kristus telah dipulihkan melaluinya, dan bahawa Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir dipimpin oleh seorang nabi dan para rasul pada hari ini.

Bagaimana Saya Berdoa?

- *Mengucap Kepada Bapa Syurgawi Anda*
- *Menyatakan perasaan –perasaan hati anda (kesyukuran, soalan, permohonan untuk memastikan kebenaran Kitab Mormon dan perihal-perihal yang sudah diajar oleh para mubaligh).*
- *Tutup (“Dalam nama Yesus Kristus, amin”).*

BAGAIMANA SAYA BOLEH MENGETAHUI?

Anda boleh mengetahui bahawa pesan-an ini adalah benar. Jika anda bertanya kepada Bapa Syurgawi anda dalam doa, anda boleh menerima jawapan daripadanya melalui Roh Kudus. Roh Kudus juga dipanggil Roh Tuhan, dan salah satu peranannya adalah untuk bersaksi, atau memberi keterangan, tentang kebenaran.

Pengetahuan ini mungkin suatu mukjizat dan boleh mengubah kehidupan, tetapi biasanya ia datang sebagai pengesahan yang senyap, tanpa pameran-pameran hebat kuasa Tuhan. Roh Kudus mengesahkan kebenaran melalui perasaan, pemikiran, dan imp-

resi. Seperti yang diajarkan dalam Alkitab, “Sebaliknya, inilah hasilnya jika orang dipimpin oleh Roh Tuhan: Mereka saling mengasihi, bersukacita, hidup rukun, sabar,

berbudi, baik hati, setia, rendah hati, dan dapat mengawal diri” (Galatia 5:22–23). Perasaan-perasaan dari Roh Kudus ini adalah wahyu peribadi kepada anda bahawa injil Yesus Kristus yang telah dipulihkan melalui Joseph Smith adalah benar. Anda seterusnya perlu memilih sama ada anda akan hidup mengikut pengetahuan yang telah anda terima.

Anda boleh mengetahui kebenaran melalui doa yang ikhlas.



SENARAI ISTILAH

Imamat Harun Imam yang lebih rendah. Imamat ini mempunyai hak kuasa untuk membaptis dan dinamakan sempena nama Harun dalam Perjanjian Lama dalam Alkitab.

Kemurtadan Apabila para individu, Gereja, atau seluruh bangsa melepaskan atau meninggalkan injil Yesus Kristus. Kemurtadan mengakibatkan perpecahan, kekeliruan, dan kehilangan kuasa imamat, atau hak untuk bertindak dalam nama Tuhan.

Rasul Gelaran yang diberikan oleh Yesus Kristus kepada dua belas orang lelaki yang dipilih oleh Dia untuk menjadi sahabat-sahabat karibNya semasa pelayanannya di bumi dan kepada mereka yang telah Dia berikan hak untuk bertindak dalam namaNya. Pada zaman moden, Yesus Kristus telah memanggil orang lelaki yang lain untuk berkhidmat sebagai RasulNya. Seperti pada zaman dahulu, seorang Rasul merupakan seorang saksi istimewa untuk Yesus Kristus dan mempunyai kuasa daripadaNya.

Korban Tebusan Kejadian yang membolehkan kita untuk berdamai semula kepada Tuhan. Untuk menebus dosa adalah untuk menderita hukuman untuk dosa, jadi itu akan menghilangkan kesan-kesan dosa dari orang yang berdosa yang bertaubat. Yesus Kristus hanyalah satu-satunya insan yang mampu melakukan Korban Tebusan yang sempurna bagi seluruh umat manusia. Korban Tebusannya merangkumi penderitaannya bagi dosa-dosa kita, pertumpahan darahnya, dan kematiannya dan Kebangkitannya. Oleh kerana Korban Tebusan, semua orang yang pernah hidup akan dibangkitkan. Korban Tebusan juga menyediakan kita satu cara untuk menerima pengampunan dosa-dosa kita dan untuk hidup selama-lamanya bersama Tuhan.

Pembaptisan Langkah yang penting untuk menerima pengampunan dosa. Melalui pembaptisan dan penetapan oleh kuasa imamat, kita menjadi ahli-ahli Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir. Pembaptisan melalui pencelupan, bermaksud orang yang dibaptiskan itu akan ditenggelamkan dalam air dengan ringkas. Pembaptisan menunjukkan kerelaan kita untuk mengikut teladan Yesus Kristus dan membuat perjanjian dengan Tuhan.

Injil Rancangan Bapa Syurgawi untuk membantu kita memiliki kedamaian dalam hidup ini dan kebahagiaan dalam kehidupan abadi. Injil berpusat pada Korban Tebusan Yesus Kristus

dan memerlukan kita beriman kepadaNya, bertaubat, dibaptiskan, menerima Roh Kudus, dan bertahan sampai akhir.

Roh Kudus Juga dikenali sebagai Roh Kudus, Roh Tuhan, dan Penghibur. Dia menyaksikan, atau memberi keterangan, tentang Bapa Syurgawi dan Yesus Kristus dan mewahyukan dan mengajarkan kebenaran.

Imamat Melkisedek Imamat yang lebih tinggi atau imamat yang lebih agung. Ianya dinamakan sempena Melkisedek di dalam Perjanjian Lama dalam Alkitab, yang merupakan seorang imamat tinggi dan raja yang soleh.

Tatacara Injil Sebuah upacara kudus dan rasmi yang dijalankan oleh kuasa imamat. Satu contoh adalah pembaptisan.

Imamat Hak dan kuasa Tuhan. Tuhan memberikan kuasa ini kepada manusia untuk bertindak dalam namaNya. Imamat Harun telah dipulihkan kepada Joseph Smith oleh Yohanes Pembaptis, yang membaptiskan Yesus Kristus. Imamat Melkisedek dipulihkan oleh Petrus, Yakobus, dan Yohanes, tiga orang daripada Dua Belas Rasul Yesus.

Pemulihan Membuatkan sesuatu seperti asal; menegakkan semula; mengembalikan semula seperti yang baru. Selepas kebenaran dan kuasa telah hilang dari muka bumi, injil telah dipulihkan melalui Nabi Joseph Smith. Pemulihan berbeza daripada reformasi kerana *reformasi* bermaksud meminda sesebuah organisasi atau amalan dalam usaha untuk mengembalikannya kepada keadaan asalnya, manakala untuk *memulih* bermaksud untuk menubuh semula atau memperbaharui organisasi atau amalan yang asal secara keseluruhannya.

Kebangkitan Selepas kematian jasmani, penyatuan roh dengan tubuh badan jasmani yang telah disempurnakan dan yang bertulang daging. Yesus Kristus adalah insan pertama yang dibangkitkan.

Wahyu Komunikasi di antara Tuhan dan anak-anakNya, biasanya melalui Roh Kudus. Individu-individu boleh menerima wahyu untuk membimbing kehidupan mereka sendiri, tetapi hanya nabi yang telah dipilih oleh Tuhan boleh menerima wahyu untuk seluruh dunia. Wahyu datang dalam pelbagai bentuk, tetapi biasanya datang sebagai fikiran, perasaan, dan impresi.

PEMBELAJARAN TAMBAHAN

Soalan-soalan dan ayat-ayat suci berikut akan membantu anda untuk mempelajari dengan lebih mendalam berkenaan prinsip-prinsip dalam risalah ini dan untuk merenungkan prinsip-prinsip itu. Senarai ini tidak menyeluruh; nota kaki dan rujukan silang dalam kitab-kitab suci akan mengarahkan anda kepada petikan-petikan dan sumber-sumber tambahan.

Apakah maksudnya kepada anda bahawa Tuhan adalah Bapa Syurgawi anda?

Maleakhi 2:10 (Alkitab, Perjanjian Lama)

Ibrani 12:9–10 (Alkitab, Perjanjian Baru)

Apakah peranan seorang nabi? Kenapa ia adalah penting untuk mengetahui bahawa Tuhan berfirman kepada para nabi?

Amos 3:7 (Alkitab, Perjanjian Lama)

Yakub 4:4–6 (Kitab Mormon, muka surat 183)

Apakah maksudnya untuk mempunyai kuasa imamat? Bagaimanakah seorang menerima kuasa ini?

Matius 10:1 (Alkitab, Perjanjian Baru)

Yohanes 15:16 (Alkitab, Perjanjian Baru)

Apakah yang berlaku bila kuasa itu hilang?

Amos 8:11–12 (Alkitab, Perjanjian Lama)

1 Nefi 13:24–29 (Kitab Mormon, muka surat 25–26)

Adakah para Rasul Yesus mengetahui bahawa kemurtadan akan berlaku?

Kisah Rasul-Rasul 20:28–31 (Alkitab, Perjanjian Baru)

2 Tesolonika 2:2–3 (Alkitab, Perjanjian Baru)

2 Timotius 4:3–4 (Alkitab, Perjanjian Baru)

Apakah maksudnya kepada anda bahawa injil Yesus Kristus telah dipulihkan melalui Joseph Smith?

Kesaksian Nabi Joseph Smith (risalah)

Apakah itu Kitab Mormon? Bagaimanakah ia merupakan satu kesaksian tentang panggilan Joseph Smith sebagai nabi?

Tajuk muka Kitab Mormon

Pengenalan Kitab Mormon

Apakah peranan Roh Kudus?

Alma 5:45–47 (Kitab Mormon, muka surat 221)

Moroni 10:3–5 (Kitab Mormon, muka surat 529)

MENYEMBAH BERSAMA KAMI

MARILAH LIHAT BAGAIMANA INJIL YANG TELAH
DIPULIHKAN DAPAT MEMBERKATI HIDUP ANDA



Pertemuan sakramen adalah upacara penyembahan yang utama. Ia biasanya berlangsung selama lebih sedikit daripada satu jam dan biasanya mengandungi unsur-unsur berikut:

Lagu Rohani: Dinyanyikan oleh jemaah. (Buku-buku lagu rohani disediakan.)

Doa: Diberikan oleh ahli-ahli Gereja tempatan.

Sakramen: Roti dan air diberkati dan diserahkan kepada jemaah sebagai peringatan akan Korban Tebusan Yesus Kristus.

Para Pengucap: Biasanya satu atau dua orang ahli Gereja yang ditugaskan dari kalangan jemaah akan berucap tentang topik-topik injil.

Pakaian: Lelaki dewasa dan kanak-kanak lelaki secara umumnya memakai sut atau seluar panjang yang kemas dengan kemeja dan tali leher. Wanita dan gadis memakai baju perempuan atau skirt.

Sumbangan derma tidak diminta semasa upacara penyembahan.

Kami juga menjemput anda untuk menghadiri pertemuan-pertemuan tambahan, menurut minat dan kumpulan umur anda. Aturan dan perlangsunan pertemuan-pertemuan ini mungkin berbeza.

Sekolah Hari Ahad: Kelas-kelas untuk pembelajaran kitab suci dan ajaran-ajaran injil.

Pertemuan-pertemuan imamat: Kelas-kelas untuk lelaki dewasa dan remaja lelaki yang berusia dua belas tahun dan ke atas.

Lembaga Pertolongan: Kelas-kelas untuk wanita yang berusia 18 dan ke atas.

Remaja Puteri: Kelas-kelas untuk gadis berusia 12 hingga 18.


Sekolah Primer: Penyembahan kumpulan dan kelas-kelas untuk kanak-kanak yang berusia antara 3 hingga 11. Nurseri seringkali sedia ada bagi kanak-kanak yang berusia antara 18 bulan hingga 3 tahun.



Masa pertemuan sakramen: _____

Alamat gereja: _____

Apa Yang Harus Saya Lakukan?



- Membaca Kitab Mormon
Cadangan pembacaan: _____

- Berdoa untuk mengetahui bahawa Joseph Smith adalah seorang nabi dan Kitab Mormon adalah firman Tuhan.
- Menghadiri gereja.
- Buat keputusan sama ada anda akan mengikuti Juruselamat dengan menerima pembaptisan, Tarikh pembaptisan:

- Lawati www.mormon.org untuk mempelajari dengan lebih lanjutnya tentang injil Yesus Kristus yang telah dipulihkan.
- Terus bertemu dengan para mubaligh untuk belajar dengan lebih lanjutnya tentang kebenaran yang sudah Tuhan pulihkan melalui para nabi zaman moden.

Temu janji seterusnya: _____

- Nama dan nombor telefon para mubaligh:

**For Non-Muslim
For Church use only
Not for sale**

GEREJA
YESUS KRISTUS
ORANG SUCI
ZAMAN AKHIR

www.mormon.org

Kredit Imej

Muka hadapan: Anak Kambing Biri-biri Yang Sesat, oleh Del Parson. © Del Parson. Jangan buat salinan.
Muka surat 5: Perincian dari Nabi Yesaya Meramalkan Kelahiran Kristus, oleh Harry Anderson
Muka surat 6: Perincian dari Kristus Mentahbiskan Dua Belas Rasul, oleh Harry Anderson
Muka surat 13: Perincian dari Pemulihan Imam Melkisedek, oleh Kenneth Riley
Muka surat 14: Perincian dari Yesus Kristus Mengunjungi Ke Benua-benua Amerika Syarikat, oleh John Scott

© 2005 oleh Intellectual Reserve, Inc. Hak cipta terpelihara. Dicotak di Amerika Syarikat.
Kelulusan bahasa Inggeris: 1/06. Kelulusan penterjemahan: 1/06. Penterjemahan dari: *The Restoration of the Gospel of Jesus Christ*. Malay. 01140 348

MALAY



01140 348